

09 AUG 2001

LEE KUAN YEW AKAN LAWAT MALAYSIA SEKALI LAGI

SINGAPURA, 9 Ogos (Bernama) -- Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew akan berada di Malaysia pada bulan depan bersama satu delegasi Menteri-menteri untuk membincangkan isu-isu dua hala, menurut akhbar Straits Times.

Lawatan empat hari bermula 2 Sept depan merupakan yang kedua bagi beliau dengan lawatan terakhir pada Ogos tahun lepas, menurut laporan akhbar itu yang memetik kenyataan seorang pegawai Malaysia yang tidak dinamakan.

Pada masa yang sama akhbar itu juga melaporkan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berada di Singapura untuk berucap di sebuah persidangan selepas lawatan Lee.

Dr Mahathir akan berucap di persidangan yang dianjurkan oleh kumpulan bijak pandai Malaysia, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) pada 10 Sept.

Semasa berada di Kuala Lumpur pada Ogos lepas, Lee telah membincangkan bersama Dr Mahathir satu pakej isu-isu dua hala termasuk bekalan air bagi negara itu selepas tahun 2061 selepas kontrak sekarang tamat tempohnya.

Pakej isu-isu yang dipersetujui oleh Dr Mahathir dan rakan sejawatannya di Singapura, Goh Chok Tong, pada Disember 1998 juga termasuk pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura dan pusat pemeriksaan kastam dan imigresen Malaysia di stesen keretapi di sini.

Dua lagi isu ialah penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan wang pencen pekerja Malaysia yang hanya boleh dikeluarkan selepas umur persaraan walaupun mereka berhenti bekerja di republik itu lebih awal.

-- BERNAMA

TCL PR